



Jurnal Qiraāt

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 1, Halaman 45-54

Tahap Penguasaan Manhaj Qiraāt Imam Warsh: Satu Kajian Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

*[The Proficiency Level of Manhaj Qiraāt Imam Warsh: A Study at The
International Islamic University College Selangor]*

**Muhammad Zaid Shamshul Kamar^{1*}, Mohd Ikram Mohd Nawawi,¹ & Muhammad Izzat
Nghah,¹ Mujahid Ahmad Lutfi,² & Nur Adam Azami Abdullah³**

¹ Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000 Malaysia. Email: muhammadzaid@kuis.edu.my

² Centre For language and Pre-University Academy Development, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 50728 Kuala Lumpur. Email: mujahid@iiu.edu.my

³ Student of Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000 Malaysia.

* Corresponding Author: Muhammad Zaid Shamshul Kamar. Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000 Malaysia, muhammadzaid@kuis.edu.my, +6011-2362 4943.

ABSTRACT

The science of Qiraāt is a science that is growing today. Various institutions offer the field to study about Qiraāt, including institutions of higher learning. However, the study on the level of mastery of Qiraāt knowledge is still not widely practiced among students at the tertiary institution level. Therefore, this study was conducted to identify the level of mastery of Qiraāt knowledge, especially Qiraāt Warsh ‘an Naafi’. This study is a quantitative study using descriptive method with questionnaire as instrument. The study sample involved 34 students from semester 8 students of the Department of Tahfiz al-Quran and al-Qiraāt, International Islamic University College Selangor (KUIS). The study found that the level of mastery of JTOQ KUIS students on Qiraāt Warsh ‘an Naafi’ as a whole is at a high level although there are some at a moderate level. Due to that, all parties have a role to improve the mastery of Qiraāt knowledge, especially Qiraāt Warsh ‘an Naafi’ among students so that mastery can be improved to a better level.

Keywords

Qiraāt; Warsh; Proficiency Level; institutions



ABSTRAK

Ilmu Qiraāt merupakan satu ilmu yang semakin berkembang pada hari ini. Pelbagai institusi menawarkan bidang pengajian Ilmu Qiraāt termasuklah institusi pengajian tinggi. Namun, kajian berkenaan tahap penguasaan ilmu Qiraāt dilihat masih belum luas pengamalannya dalam kalangan pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap penguasaan ilmu Qiraāt khususnya Qiraāt Warsh ‘an Naafi’. Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan metode deskriptif dengan soal selidik sebagai instrumen. Sampel kajian melibatkan 34 siswa semester 8 Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraāt Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian mendapati tahap penguasaan siswa JTQQ KUIS terhadap Qiraāt Warsh ‘an Naafi’ secara keseluruhan adalah pada tahap tinggi walaupun terdapat sebahagian pada tahap sederhana. Disebabkan itu, semua pihak berperanan untuk menambahbaik penguasaan ilmu Qiraāt khususnya Qiraāt Warsh ‘an Naafi’ dalam kalangan siswa agar penguasaan dapat ditingkatkan ke peringkat lebih baik.

Keywords

Qiraāt, Warsh, penguasaan, institusi pengajian tinggi

1.0 PENGENALAN

Al-Quran adalah mukjizat agung yang kekal hingga ke hari ini. Al-Quran secara definisi adalah kalam Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. di dalam Bahasa Arab dan disampaikan kepada kita semua secara mutawatir, membacanya dikira ibadah, bermula dengan surah al-Fatihah diakhiri dengan surah al-Nas (Mansur 1999). Penurunan al-Quran adalah sangat berkait dengan ilmu Qiraāt kerana berhubung dengan kalam Allah yang diturunkan dan diutuskan kepada Nabi Muhammad s.a.w (Daud M.I. & Zakaria R 2021).

Qiraāt dan al-Quran mempunyai dua sudut yang berbeza menurut al-Zarqashi (1972) kerana al-Quran adalah wahyu Allah yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dengan matlamat akhir *bayan* dan *i'jaz*. Manakala Qiraāt ialah pembezaan atau perbezaan Qurra' dalam menyatakan huruf dan struktur atau kedudukan huruf dari bacaan kaedah takhfif hingga tashdid mendapat melalui *al-'sima'* dan *al-musyafah*.

1.1 PENGENALAN IMAM WARSH

Nama sebenar tokoh ini ialah Uthman bin Said bin Abdullah bin Amru bin Sulaiman bin Ibrahim al-Misri. Abu Said adalah gelaran yang terkenal baginya. Gurunya memberinya panggilan Warsh (burung yang seakan-akan merpati) kerana badannya yang rendah dan beliau suka untuk memakai pakaian singkat pada badan yang pendek dan pendekatannya yang menarik untuk berjalan-jalan seperti burung Warsh. Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa Warsh bermakna sejenis masakan yang dihasilkan menggunakan susu. Dikatakan gelaran ini diberikan oleh gurunya, khususnya Imam Naafi'. Gelaran ini mungkin digunakan memandangkan kulitnya yang putih hampir kelihatan seperti ton putih susu. (al-Qadi, 2010)

Beliau dilahirkan pada tahun 110 H di kota Qaft, selatan Mesir. Kemudian Imam Warsh berpindah ke Madinah untuk bertemu Imam Naafi' dan mengkhatamkan al-Quran beberapa kali sekitar tahun 155 H. Qurra' Mesir sezamannya turut mengakui keilmuannya. Dengan pengiktirafan tersebut maka Imam Wasryh diletakkan sebagai qari yang masyhur pada ketika itu.

Imam Warsh meninggal dunia di Mesir pada masa pemerintahan Khalifah al-Ma'miin pada tahun 197 H pada usia 83 tahun. Antara elemen fizikal sebenarnya yang tidak dapat dinafikan adalah sangatlah putih kulitnya, mata keduanya biru, bentuk badan yang ideal dan fizikalnya yang rendah. Kerap memakai jubah pendek dengan tujuan



apabila dia berjalan-jalan, dua kakinya akan dilihat. Mempunyai kepakaran dalam bahasa Arab dan suara yang merdu.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian tahap penguasaan manhaj Qiraāt Imam Warsh ini melibatkan responden yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan al-Qiraāt Semester 8 sesi 2021/2022 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pemilihan lokasi dan sampel kajian adalah kerana usia kos ini di KUIS sejak dari Mei 2002 yang menunjukkan bahawa kos ini adalah kos ijazah sarjana muda untuk Qiraāt yang tertua di Malaysia.

Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraāt adalah program yang ditawarkan di dalam Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraāt KUIS selain daripada diploma Tahfiz serta Ijazah Sarjana al-Qiraāt. Bagi Ijazah Sarjana Muda tempohnya adalah selama 8 semester pengajian mengikut silibus yang telah diluluskan oleh jabatan dan juga Agensi Kelayakkan Malaysia atau Malaysian Qualifications Agency (MQA).

Pada semester pertama hingga 5, pelajar didedahkan dengan subjek Qiraāt Ilmiyyah wa Hifz al-Mutun I-V. Subjek ini menekankan berkenaan teori berkenaan ilmu qiraāt yang mana perlu dikuasai sebelum mempelajari subjek Qiraāt Amaliyyan. Dalam subjek ini juga pelajar dapat mendalami berkenaan usul qiraāt dan juga farsh huruf yang terdapat dalam bacaan al-Quran. Seperti contohnya bacaan menambah huruf (إ) atau menghilangkannya pada kalimah (مالك) seperti mana yang penulis telah bincangkan dalam bab manhaj di atas.

Seterusnya, bermula semester tiga sehingga 8 iaitu semester terakhir, pelajar mempelajari ilmu lanjutan atau boleh diistilahkan dengan ilmu kesinambungan dari Qiraāt Ilmiyyah wa Hifz al-Mutuh iaitu subjek Qiraāt Amaliyyan. Ilmu lanjutan diistilahkan kerana pelajar akan mempraktikkan ilmu yang telah diajar teori berdasarkan kitab seterusnya diterjemahkan melalui ilmu pratikal. Qiraāt Amaliyyan ini memfokuskan kemahiran pelajar menyusun bacaan khilaf yang terdapat dalam al-Quran secara tepat dan tersusun mengikut wajah-wajah imam qiraāt.

Selain itu, apabila berbicara mengenai ilmu qiraāt maka pelajar tidak dapat lari daripada menghafal matan qiraāt dan rumuz imam qiraāt bagi memudahkan pelajaran pelajar itu sendiri. Matan Qiraāt dan juga rumuz imam sangat penting bagi menentukan sesuatu bacaan oleh imam Qiraāt.

Keseluruhan semester dalam kos Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraāt di KUIS ini berjumlah 8 semester. Namun pengkaji hanya memilih satu semester sahaja iaitu pelajar di semester 8 kerana kerana mereka merupakan pelajar paling senior serta lebih matang dalam bidang ini. Sehingga hari ini, JTQQ KUIS telah melahirkan ratusan huffaz bidang Qiraāt yang berdaya saing.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan bagi melihat tahap penguasaan tahap penguasaan manhaj qiraāt Imam Warsh di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraāt KUIS. Kajian turut menggunakan instrument soal selidik bagi memperoleh data kajian. Kaedah soal selidik adalah instrumen yang tepat untuk mengumpul data kuantitatif dalam masa yang terhad (Majid Konting 2000). Data kajian ini diproses menggunakan perisian Statiscal Package for the Social Science (SPSS) versi 26.0 untuk mendapatkan peratus, kekerapan, serta min. Seterusnya data dibentangkan secara statistik deskriptif.

Jadual 1 menunjukkan kategori skor min untuk menentukan tahap penguasaan ilmu Qiraāt di JTQQ KUIS berdasarkan konstruk kajian. Skor min 1.00 hingga 2.00 menunjukkan tahap yang rendah, skor min 2.01 hingga 3.00 pada tahap sederhana rendah, skor min 3.01 hingga 4.00 menunjukkan tahap sederhana tinggi dan skor min 4.01 hingga 5.00 menunjukkan pada tahap tinggi (Stufflebeam 1971).



Jadual 1 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian terbahagi kepada Bahagia A dan B. Bahagian A adalah maklumat demografi responden manakala bahagian B adalah tahap penguasaan manhaj Imam Warsh.

4.1 Latar Belakang Responden

Responden merupakan 34 orang pelajar Semester 8 JTQQ KUIS. Maklumat demografi responden adalah seperti dalam jadual 2.

Jadual 2 : Maklumat Demografi Responden

Demografi		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	20	58.8
	Perempuan	14	41.2
Kelulusan akademik untuk melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qiraāt?	Asasi	3	8.8
	STAM	10	29.4
	Diploma	21	61.8
Faktor memilih melanjutkan pengajian dalam bidang Tahfiz dan Qiraāt	Dorongan ibu bapa	14	41.2
	Kehendak diri sendiri	18	52.9
	Saranan rakan	1	2.9
	Lain-lain	1	2.9

Jadual 2 menunjukkan demografi bagi setiap responden. Majoriti responden adalah lelaki dengan kekerapan 20 orang mewakili (58.8%), manakala perempuan adalah dengan kekerapan 14 orang mewakili (41.2%) daripada jumlah keseluruhan responden. Ini menunjukkan jumlah lelaki lebih ramai berbanding jantina perempuan.

Selain itu, melihat pada faktor memilih melanjutkan pengajian dalam bidang Tahfiz dan Qiraāt, majoriti responden seramai 18 orang bersamaan (52.9%) adalah kehendak diri sendiri, diikuti 14 orang bersamaan (41.2%) memilih dorongan ibu bapa. Jumlah terendah adalah saranan rakan-rakan 1 orang bersamaan (2.9%) serta 1 orang yang memilih lain-lain bersamaan (2.9%) iaitu terpaksa kerana mendapat penajaan.

Faktor kelulusan akademik untuk melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qiraāt menunjukkan kekerapan paling tinggi seramai 21 orang bersamaan (61.8%) memiliki kelulusan diploma serta 10 orang bersamaan (29.4%) daripada kelulusan STAM dan 3 orang bersamaan (8.8%) adalah daripada kelulusan Asasi.

4.2 Analisa Tahap Penguasaan Manhaj Qiraāt Imam Warsh



Untuk menilai tahap penguasaan Manhaj Qiraat Imam Warsh dalam kalangan pelajar, analisis deskriptif telah dijalankan dengan melihat kepada kekerapan dan peratusan. Item adalah berdasarkan skala likert iaitu tidak menguasai, kurang menguasai, menguasai sebahagian, menguasai sebahagian besar dan menguasai keseluruhan. Hasil analisis deskriptif dinyatakan dalam jadual 3 yang berikut.

Jadual 3 : Tahap Penguasaan Manhaj Qiraat Imam Warsh

BIL	ITEM	TM	KM	MS	MSB	MK	MIN	SP	INTERPRESTASI
1	Imam Warshh akan hazaf pada huruf alif pada kalimah (مَالِك) dalam surah al-Fatihah	2 5.9%	3 8.8%	5 14.7%	2 5.9%	22 64.7%	4.15	1.30	Tinggi
2	Imam Warshh membaca mad munfasil dengan 6 harakat. Contohnya : (يَأْتِيهَا)	-	-	1 2.9%	3 8.8%	30 88.2%	4.85	0.46	Tinggi
3	Imam Warshh membaca dengan silah mim jama' sekiranya selepas mim jama' terdapat huruf hamzah Qato' (ء) contoh (عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ)	13 38.2%	3 8.8%	2 5.9%	3 8.8%	13 38.2%	3.00	1.86	Sederhana Rendah
4	Imam Warshh membaca dengan harkat 2,4 dan 6 pada mad badal. Contoh : (ءَامَنَ)	1 2.9%	-	1 2.9%	3 8.8%	29 85.3%	4.74	0.79	Tinggi
5	Imam Warshh membaca dengan mengidghamkan huruf tha kedalam huruf zai pada kalimah (اتَّخَذْتُمْ)	7 20.6%	6 17.6%	7 20.6%	2 5.9%	12 35.3%	3.18	1.56	Sederhana Tinggi
6	Imam Warshh membaca dengan membariskan huruf ya idhofah yang mati kepada berbaris atas pada kalimah (إِنِّي أَعْلَمُ)	3 8.8%	-	13 38.2%	2 5.9%	16 47.1%	3.82	1.29	Sederhana Tinggi
7	Imam Warshh akan membaca dengan tebal huruf lam yang berbaris atas sama ada	10 29.4%	1 2.9%	8 23.5%	4 11.8%	11 32.4%	3.15	1.64	Sederhana Tinggi

	bertasydid ataupun tidak sekiranya sebelumnya huruf lam terdapat huruf sod, tho atau zho. Contoh : (مَطَّلَع)								
8	Pada kesemua kalimah (التَّوْرَةَ) yang terdapat dalam al-Quran, Warshh akan membaca dengan Taklil.	2 5.9%	1 2.9%	3 8.8%	8 23.5%	20 58.8%	4.26	1.14	Tinggi
9	Pada huruf ha di dalam surah Toha (طه), Warshh akan membaca dengan Imalah.	9 26.5%	1 2.9%	11 32.4%	2 5.9%	11 32.4%	3.15	1.58	Sederhana Tinggi
10	Pada satu kalimah yang mempunyai dua huruf hamzah seperti (ءَأَنزَلْنَاهُمْ), maka Warshh akan membaca tashil pada huruf hamzah yang kedua.	1 2.9%	-	7 20.6%	4 11.8%	22 64.7%	4.35	1.01	Tinggi
11	اَتَّخَذْتُمُوْا اَخْدْتُمْ وَاِنِّي الْاِفْرَادِ غَاثِرًا دَعْتَلَا Matan di atas menunjukkan Imam Warshh membaca idgham ke dalam huruf ذ . Contoh : (لَيْنِ اَتَّخَذْت)	4 11.8%	1 2.9%	8 23.5%	7 20.6%	14 41.2%	3.76	1.35	Sederhana Tinggi
12	اِذَا سَكَتَتْ فَاءٌ مِّنَ الْفِعْلِ هَمْزَةٌ # فَوْرُشٌ يُرِيْمًا Matan di atas menunjukkan Imam Warshh membaca dengan mengibdalkan huruf hamzah pada kalimah (يُؤْمِنُوْنَ)	1 2.9%	-	3 8.8%	5 14.7%	25 73.5%	4.56	0.89	Tinggi
13	وَدُو الرِّاءِ وَرُشٌ بَيْنَ بَيْنٍ وَفِي اَرَا # كُهُمْ وَدَوَاتٍ	2 5.9%	1 2.9%	6 17.6%	3 8.8%	22 64.7%	4.24	1.21	Tinggi

	<p>النَّالَةَ الْخُلْفُ جُمَلًا Matan di atas menunjukkan Imam Warshh membaca dengan taklil pada kalimah (موسى، عيسى، يحيى)</p>			5	8	21	4.47	0.75	Tinggi
14	<p>وَجَمْعًا وَفَرْدًا فِي النَّبِيِّ وَفِي النَّبِيِّ # ءَاءَ الْهَمْزِ كُلٌّ غَيْرٌ نَافِعٌ أَبَدَلًا Matan ini menunjukkan pada kalimah (النَّبِيِّ) Warshh menambah huruf hamzah dan membaca dengan mad mutassil dengan kadar 6 harakat menjadi (النَّبِيِّ)</p>	-	-	14.7%	23.5%	61.8%			
15	<p>وَمَا بَعْدَ هَمْزٍ ثَبِتٍ أَوْ مُغَيَّرٍ # فَقَصْرٌ وَقَدْ يُرْوَى لَوْرِثِينَ مُطَوَّلًا pada mad badal Warshh membaca dengan tiga bacaan iaitu 2, 4 dan 6 contoh kalimah (ءَامَنَ)</p>	1 2.9%	-	4 11.8%	5 14.7%	24 70.6%	4.53	0.93	Tinggi
Keseluruhan							4.01	1.18	Tinggi

Sumber : Soal Selidik, 2022

Jadual 3 menunjukkan terdapat sebahagian item tahap penguasaan manhaj qiraāt Imam Warsh pada penilaian interprestasi tinggi dan sebahagian pada interprestasi sederhana tinggi. Dan satu item pada interprestasi sederhana rendah. Item yang menunjukkan pada interprestasi tinggi adalah item 1 (min=4.15, sp=1.30), item 2 (min=4.85, sp=0.46), item 4 (min=4.74, sp=0.79), item 8 (min=4.26, sp=1.14), item 10 (min=4.35, sp=1.01), item 12 (min=4.56, sp=0.89), item 13 (min=4.24, sp=1.21), item 14 (min=4.47, sp=0.75), dan item 15 (min=4.53, sp=0.93). Item yang menunjukkan interprestasi tahap sederhana tinggi pula adalah item 5 (min=3.18, sp=1.56), item 6 (min=3.82, sp=1.29), item 7 (min=3.15, sp=1.64), item 9 (min=3.15, sp=1.58), dan item 11 (min=3.76, sp=1.35). Manakala item yang menunjukkan tahap interprestasi sederhana rendah adalah item 3 (min=3.00, sp=1.86).

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa tahap penguasaan responden adalah pada tahap tinggi..Item yang paling dikuasai oleh responden adalah pada item 2 iaitu Imam Warshh membaca mad munfasil dengan 6 harakat. Contohnya : (بِأَيْهَا) iaitu dengan kekerapan 30 orang (88.2%). Manakala item 6 iaitu Imam Warshh membaca dengan membariskan huruf ya idhofah yang mati kepada berbaris atas pada kalimah (إِنِّي أَعْلَمُ) menunjukkan kekerapan 13 orang (38.2%) pada penguasaan sederhana.



5.0 ANALISIS KAJIAN

Jadual 3 menunjukkan daripada lima belas item tahap kefahaman manhaj qiraat Imam Warysh. Sembilan daripanya mencapai skor tertinggi dengan perolehan min yang tinggi. Antara sembilan item tersebut, 4 item yang mempunyai skor tinggi adalah item 'Imam Warshh membaca mad munfasil dengan 6 harkat. Contohnya يَا أَيُّهَا' (item 2) dengan skor min (min = 4.85), 'Imam Warshh membaca dengan harkat 2,4 dan 6 pada mad badal. Contoh : ءَامَنَ' (item 4) dengan skor min (min = 4.74), 'ءَا لِهَمْزٌ كُلٌّ غَيْرٌ نَافِعٍ أَبَدًا', وَمَجْمَعًا وَفَرْدًا فِي النَّبِيِّ وَفِي النَّبِيِّ # ءَا لِهَمْزٌ كُلٌّ غَيْرٌ نَافِعٍ أَبَدًا', Matan ini menunjukkan pada kalimah (النَّبِيِّ) Warshh menambah huruf hamzah dan membaca dengan mad mutassil dengan kadar 6 harkat menjadi 'النَّبِيِّ' (item 14) dengan skor min (min = 4.47) dan وَمَا بَعْدَ هَمْزٍ ثَبَّتِ أَوْ مُغَيَّرِ # فَفَصَّرَ وَقَدْ يَزْوَى لَوْزِشٍ مُطَوَّلًا وَوَسَطَهُ', Data tersebut jelas menunjukkan bahawa hukum mad dibaca panjang. Mad itu adalah apabila huruf mad iaitu alif, wau atau ya' bertemu dengan hamzah sekiranya dua kalimah adalah mad munfasil, satu kalimah adalah mad muttasil manakala dalam mad badal adalah pertukaran di antara dua huruf yang sama (Abu Mardhiah 2019).

Ini menunjukkan bahawa Imam Warsh membaca mad dengan panjang dan pelajar mudah untuk membaca bacaan Imam Warshh kerana nilai bacaan mad yang panjang. Menurut (Farah S.L., 2011) dalam kitabnya *Taqribul Maani Fi Sharh Hirz Al Mani Fi Al Qirat Al Sabaa* dalam bab *Mad wal Qasr* menyatakan Imam Warsh akan membaca dengan 6 harkat pada mad munfasil dan pada mad badal Imam Warsh akan membaca dengan tiga wajah iaitu 2, 4 dan 6 harkat. Selain itu, Mohd Nazri (2013) menyatakan dalam penulisannya Manhaj Qiraat 10 Beserta Dalil Matan Imam As-Syatibi dan Matan Ad-Durrah, pada kalimah (النَّبِيِّ) penambahan huruf hamzah dilakukan dan akan dibaca dengan mad mutassil dengan kadar 6 harkat menjadi النَّبِيِّ.

Seterusnya, 2 item yang mempunyai skor item yang tinggi adalah 'pada ke semua kalimah (التَّوْرَةِ) yang terdapat dalam al-Quran, Warsh akan membaca dengan *taklil* (item 8) dengan skor min (min = 4.26) dan وَذُو الرِّاءِ وَرَشٌّ بَيْنَ بَيْنٍ ' وَمَاتَانِ فِي أَرَا # كُهُمْ وَذَوَاتِ الْيَالَةِ الْخُلْفُ جُمَلًا Matan di atas menunjukkan Imam Warsh membaca dengan *taklil* pada kalimah (مُوسَى، عِيسَى، يَحْيَى) (item 13) dengan skor min (min = 4.24). Data tersebut jelas menunjukkan pada bab *usul dan Farsy huruf* di baca dengan *imalah* dan *taklil*. Menurut Abu Mardhiah (2019), istilah *Imalah* menurut bahasa ialah condong. Manakala dari segi istilah, bermaksud menyebut (melafaz) baris fathah cenderung kepada baris *kasrah* dan Alif cenderung kepada Ya'.

Manakala *taklil* pula adalah bunyi di antara *fathah* dan *imalah*. Ini menunjukkan Imam Warsh membaca dengan *imalah* dan *taklil* pada bab *usul* serta *farsy huruf* dan pelajar dapat menyebut dengan baik pada *imalah* dan *taklil* kerana cara sebutannya yang mudah. Al-Shatibi (1937), dalam bab *Farsy Huruf* Surah al-Imran menyatakan bahawa Imam Warsh akan membaca dengan *taklil* pada semua kalimah (التَّوْرَةِ) yang terdapat di dalam al-Quran. Selain itu, Mohd Nazri (2013) menyatakan Imam Warshh akan membaca dengan *fathah* dan *taklil* pada huruf *zawatil Ya'* yang dihujungnya bukan huruf ra' seperti موسى dan seumpama dengannya.

Selain itu, pada jadual 3 daripada lima belas item berkenaan min tahap kefahaman manhaj qiraat Imam Warsh, lima daripadanya mencapai skor sederhana tinggi. Antara lima item tersebut, 2 item yang mencapai skor min sederhana tinggi adalah item 'Imam Warsh membaca dengan mengidghamkan huruf tha ke dalam huruf zai pada kalimah اتَّخَذْتُمْ (item 5) dengan skor min (min = 3.18) dan اتَّخَذْتُمْوَا أُخَذْتُمْ فِي الْإِفْرَادِ عَاشِرًا دَعْفَلًا', Matan di atas menunjukkan Imam Warsh membaca *idgham* ت ke dalam huruf ذ. Contoh: لَنْ اتَّخَذْتَ (item 11) dengan skor min (min = 3.76). Data tersebut jelas menunjukkan apabila huruf tha bertemu dengan zai maka dibaca *idgham*. *Idgham* bermaksud menggabungkan bunyi yang bertanda sukun ke dalam huruf yang berbaris. Ini menunjukkan bahawa Imam Warsh membaca dengan *idgham* huruf tha ke dalam huruf zai dan pelajar lebih mudah serta cenderung dengan cara sebutan mengidghamkan huruf tha ke dalam huruf zai. Imam Warsh akan membaca dengan *idgham* pada tempat-tempat tersebut iaitu اتَّخَذْتَ dan لَنْ اتَّخَذْتَ (Al-Shatibi, 1937).

Selain itu, jadual 3 menunjukkan daripada lima belas item berkenaan min tahap kefahaman manhaj qiraat Imam Warsh, satu daripadanya mencapai skor sederhana rendah. Satu item tersebut adalah 'Imam Warsh membaca dengan



silah mim jama' sekiranya selepas mim jama' terdapat huruf hamzah Qato' (ء) contoh (عَلَيْهِمْ ءَأَنْزَلْنَاهُمْ) (item 3) dengan skor min (min = 3.00). Data tersebut jelas menunjukkan huruf mim sukun akan ditukar menjadi *silah mim jama'* sekiranya selepas huruf mim terdapat *hamzah qato'*. *Silah mim jama'* bermaksud menukarkan bunyi mim yang berbaris sukun (tanda mati) pada kalimah yang asalnya (م ، هم ، أنتم) kepada berbaris hadapan dengan kadar dua harkat. Data ini jelas menunjukkan Imam Warsh membaca dengan *silah mim jama'* dengan kadar 6 harkat dan pelajar kurang cenderung untuk membaca *silah* dengan kadar 6 harkat. Mohd Nazri (2013) menyatakan Imam Warsh akan membaca dengan *silah mim jama'* sekiranya selepas mim jama' tersebut ada huruf hamzah dengan kadar 6 harkat.

6.0 CADANGAN

Secara keseluruhannya, objektif kajian untuk menilai tahap kefahaman manhaj qiraat Imam Warsh telah berjaya dicapai terhadap pelajar Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat. Hasil dapatan kajian bagi setiap bahagian telah memberikan bentuk perubahan yang perlu dilakukan dalam menjadikan kaedah pelaksanaan pengajian qiraat ini lebih efektif dan berkesan. Keseluruhan konstruk mempunyai hubungan yang sangat signifikan antara satu sama lain dalam menjayakan pengajian qiraat di Jabatan Tahfiz, KUIS.

Oleh yang demikian, beberapa saranan dan cadangan dikemukakan dalam kajian ini bagi membantu semua pihak yang terlibat dalam usaha meningkatkan serta membuat penambahbaikan untuk menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dalam menghasilkan penguasaan qiraat yang lebih memuaskan seterusnya memastikan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap manhaj Imam Warsh berada di tahap yang lebih tinggi dan baik.

6.1 Saranan Kepada Pelajar

Talaqqi musyafahah merupakan antara kaedah mempelajari al-Quran secara mulut ke mulut iaitu daripada guru kepada pelajar. Ia merupakan kaedah pembelajaran al-Quran yang diwarisi oleh Rasulullah s.a.w. daripada Malaikat a.s. seterusnya diimplimentasi kepada para sahabat r.a. sehingga iainya diwarisi sebagai satu sistem pembelajaran al-Quran sehingga hari ini. Bertalaqqi merupakan suatu tradisi yang tidak dapat dipisahkan dengan pengajian al-Quran dan al-Qiraat. Para pelajar haruslah berusaha mengambil peluang dan tekun untuk bertalaqqi dan bermusyafahah dengan guru-guru yang alim dalam bidang al-Quran mahupun qiraat. Hal ini adalah supaya kita dapat mengambil bacaan secara sahah dan mengelakkan daripada sebarang kesalahan serta dapat memantapkan lagi bacaan qiraat seseorang itu.

Selain itu, pelajar juga perlu bijak mengatur strategi untuk menguasai ilmu qiraat ini. Antaranya, pelajar boleh membuat nota semua manhaj usul sesuatu imam qiraat tersebut dengan meletakkan perkataan, manhaj dan matan bagi memudahkan pelajar untuk mengingat kesemua manhaj usul bagi sesuatu imam tersebut. Seterusnya, para pelajar perlu membuat ulangan atau latihan setiap manhaj imam tersebut supaya tidak mudah lupa. Yang paling utama sekali, pelajar mestilah berusaha memahami setiap matan sesuatu manhaj dengan baik supaya mudah untuk mengingat ke semua manhaj usul.

6.2 Saranan Kepada Pihak Institusi

Pengajian qiraat merupakan mata pelajaran pusat yang dijalankan di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS dan ia perlu disemak dan membuat pemurnian dan penambahbaikan dari semasa ke semasa dalam menyampaikan huffaz yang benar-benar mahir dalam pengajian qiraat. Susunan penyediaan latihan, kursus dan bengkel sama ada masa yang lama atau sekarang harus benar-benar tertumpu kepada pertimbangan dalam memberikan data tentang mendidik, khususnya bahagian pengajaran dan pembelajaran.



Peruntukan masa juga perlu dikaji semula dan ditambah baik dalam sistem pengajian qiraāt lebih-lebih lagi subjek Qiraāt Amali yang memfokuskan kaedah talaqqi dan musyafahah. Umum mengetahui bahawa proses pengajaran dan pembelajaran secara bertalaqqi mengambil masa yang lama khususnya ilmu qiraāt. Hal ini kerana setiap ayat perlu dibaca sehingga selesai. Justeru, perbincangan tempoh masa untuk Qiraāt Amali haruslah diselidik semula bagi menjamin peningkatan tahap pelajar dalam bidang al-Qiraāt.

7.0 PENUTUP

Kajian ini adalah berdasarkan kepada tahap penguasaan manhaj qiraāt Imam Warsh di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraāt KUIS. Tumpuan adalah pada tahap penguasaan manhaj qiraāt Imam Warsh. Pembelajaran ilmu Qiraāt di KUIS secara dasarnya bermula pada kumpulan pertama tahun 2002.

Pemilihan kos ini di KUIS sejak dahulu membuktikan bahawa aliran ini mendapat permintaan yang tinggi. Keadaan ini membuktikan bahawa ilmu Qiraāt diminati untuk dipelajari secara lebih serius di peringkat universiti. Kebolehpasaran graduan kos ini juga adalah sangat positif. Bahkan sekolah-sekolah sudah semakin banyak mengambil matapelajaran asas Qiraāt.

Menjadi harapan agar penulisan ini mampu memberi sumbangan dalam mengembangkan ilmu Qiraāt seterusnya meneruskan dakwah Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengembangkan Islam ke seluruh alam.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abu Mardhiah. (2019). *Tajwid Al-Quran – Qiraāt ‘Aashim – Riwayat Hafsh – Toriq Al-Syatibiyah*. Al-Jenderaki Enterprise: Kuala Lumpur. 2019. Jil 1. ISBN 978-967-15873-2-4.
- Al-Qadi, A. a.-F. (2010). *Tarikh al-Qurra al-Asyarah wa Ruwatum wa Tawatur Qira'atihim wa Manhaj Kullin fi al-Qira'ah*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah
- Al-Shatibiy Qasim bin Firruh al-Andalusiy. (1937). *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani fi al-Qira'at al-Sab. al-Halabiy wa Awladih*, Kaherah.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din Muḥammad bin ‘Abd Allah, (1972). *Al-Burhān fi ‘Ulum alQur’an*. Qāherah: Maktabah ‘Isā al-Bab al-Halabi.
- Daud, M.I.& Zakaria, R. (2021). Tahap Penguasaan Ilmu Qiraāt di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang. *Jurnal Qiraāt*. e-issn: 2636-9521 VOL 4, Bil 2, Halaman 51-63
- Farah, S. L. (2011). *Taqribul Maani Fi Sharh Hirz Al Mani Fi Al Qirat Al Sabaa*. Madinah al-Munawarrah: Maktabah Dar al Zaman.
- Mohd. Nazri bin Abdullah. (2013). *Panduan Bacaan Qiraāt 10 - Mengikut Tariq As Syatibi & Ad Durrah*. Malaysia: Pustaka Ilmi
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mansur, Muhammad Khalid Abd. Aziz. (1999). *Al-Wasit fi ilmi al-Tajwid*. Al-Urdun: Dar al-Nafais.
- Stufflebeam, Daniel L. (1971). *The Relevance of The CIPP Evaluation Model for Educational Accountability*. Ohio State University: Columbus